

CNS6348

U GB 05-08 00209 BH113

AAB

Mahathir - Arqam

TINDAKAN SEGERA PERLU UNTUK HALANG PENYELEWENGAN AL-ARQAM, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Kerajaan terpaksa mengambil tindakan pantas terhadap Al-Arqam kerana pergerakan itu akan mengancam Islam jika ia dibenarkan berkembang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, jika pergerakan itu dibenarkan bergerak bebas ia akhirnya akan menjadi sebuah kumpulan yang besar dan apabila orang ramai mula mempercayai ajaran pergerakan itu, sukar untuk menyuruh mereka kembali ke pangkal jalan.

Beliau juga menegaskan bahawa kerajaan bukan takut dengan pergerakan itu seperti yang disalah anggap sesetengah pihak.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pemimpin Muda Asia Timur, di sini, Dr Mahathir berkata: "Kami tidak mahu anak-anak kami menjadi dewasa dengan fahaman yang sedemikian.

"Ia persoalan akidah dan akidah tidak boleh berdasarkan kepada akal.

"Sekiranya anda mempercayainya dan percaya yang orang ini (Ashaari Muhammad) ialah Imam Mahadi, maka tidak ada hujah yang akan dapat menyakinkan orang yang mempercayai Al-Arqam bahawa dia (Ashaari) bukan Imam Mahadi yang sebenar.

"Oleh itu kita terpaksa bertindak secepat yang mungkin," katanya ketika menjawab satu soalan.

Majlis Fatwa Kebangsaan hari ini mengisytiharkan pengharaman Al-Arqam dan segala ajaran dan fahamannya. -- Lagi.

▼05/08/15-26MST

CNS6385

U GB 05-08 00132 BH118

AAB

Mahathir - Arqam 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah mengambil tindakan yang sama terhadap kumpulan atau pergerakan lain di negara ini yang terbabit dengan ajaran sesat.

"Mereka wajib mematuhi ajaran Islam yang sebenar. Apa yang mereka lakukan kemungkinan besar akan mengelirukan orang ramai di negara ini," katanya.

Kepada satu soalan lain, Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir yang rakyat Malaysia akan menyokong hasrat pergerakan itu untuk membentuk sebuah kerajaan di negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Ashaari boleh mencuba mengambilalih kerajaan tetapi dia hendaklah berbuat demikian mengikut cara yang dibenarkan iaitu dengan menubuhkan sebuah parti politik.

Ashaari hendaklah pulang ke tanahair, menghentikan ajarannya yang menyeleweng dan menubuhkan sebuah parti politik serta bertanding dalam pilihan raya umum, tambahnya. -- Lagi.

▼05/08/15-56MST

CNS6414

U GB 05-08 00229 BH119

AAB

Mahathir - Arqam 3 Kuala Lumpur

"Kami telah bertanding (dalam pilihan raya) melalui parti-parti politik. Oleh itu, di Malaysia, kemungkinan untuk menang dan kalah sememangnya ada. Malah beberapa buah negeri telah dikuasai parti pembanagkang," katanya.

Apabila ditanya sama ada Ashaari boleh menjadi anggota UMNO, Dr Mahathir menjawab bahawa pemimpin Al-Arqam itu boleh berbuat demikian tetapi dia (Ashaari) hendaklah mematuhi segala prinsip perjuangan UMNO.

Perdana Menteri juga berkata: "Seperti yang anda tahu bahawa orang nombor dua dalam UMNO kini (Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) pada suatu masa dulu menentang kami. Sebagai pemimpin Abim (ketika itu) Anwar kuat menentang kerajaan."

Ketika ditanya mengenai rancangan Ashaari untuk kembali ke tanahair dari Jordan dan hasratnya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Dr Mahathir kerana apa yang didakwanya sebagai tuduhan tidak berasas terhadap dirinya dan Al-Arqam, Dr Mahathir berkata, Ashaari boleh berbuat demikian selagi ia tidak melanggar undang-undang negara.

Katanya, Al-Arqam juga boleh menyaman Ketua Pengarah Pusat Islam, Haji Zainal Abidin Abdul Kadir kerana apa yang didakwa pergerakan itu sebagai fitnah berhubung tuduhan Zainal yang pergerakan tersebut telah menubuhkan pasukan bersenjata yang digelar "Tentera Badar".

"Dia boleh bertindak demikian sekiranya dia mempunyai bukti. Tetapi dia hendaklah menerima hakikat bahawa terdapatnya kedaulatan undang-undang di sini dan bahawa undang-undang itu turut boleh dipakai terhadapnya sama seperti ia dipakai terhadap orang lain," katanya. -- Lagi.

▼05/08/16-25MST

CNS6431

U GB 05-08 00196 BH120

AAB

Mahathir - Arqam 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai Tentera Badar itu, Dr Mahathir berkata, pergerakan tersebut telah mengutarakan suatu bentuk tindakan ketenteraan.

"Mereka sebenarnya belum menubuhkan tentera seumpama itu tetapi mereka ada menyebarkan risalah yang menyebut bahawa apabila sampai suatu peringkat, mereka akan memerlukan pasukan seumpama itu bagi mencapai matlamat mereka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, terpulanglah kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk memutuskan bentuk tindakan yang hendak diambil terhadap Ashaari sekembalinya beliau ke negara ini.

"Sekiranya dia telah melanggar undang-undang negara dan mereka berpendapat bahawa dia perlu ditangkap maka mereka akan berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, di MELAKA, Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar berkata, pergerakan itu boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang mereka anggap telah mencabul hak mereka.

Katanya, jika pergerakan itu bertindak demikian, perkara itu akan dirujuk kepada Pequam Negara untuk tindakan susulan.

"Terpulanglah kepada mahkamah untuk menentukan sama ada terdapat kes terhadap pihak yang ia saman," katanya kepada pemberita berhubung saman oleh tiga anggota Al-Arqam terhadap Ketua Pengarah Pusat Islam, Haji Zainal Abidin Abdul Kadir yang dikemukakan di Kuala Lumpur, hari ini. -- Bernama.

ES ARA KAM.

▼05/08/16-47MST